

# KITA BOLEH MENANG BERSAMA

PENANG LAWAN COVID-19


1 - 15 SEPTEMBER, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow


# PPV 'walk-in' gamit kegembiraan warga emas

**JAWI** - Mulai 2 Ogos lalu, warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas serta masih belum mendapatkan janji temu suntikan vaksin COVID-19 dos pertama melalui aplikasi pintar MySejahtera, dibenarkan untuk hadir terus *(walk-in)* di empat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) terpilih membabitkan lima daerah di negeri ini.

Ini adalah membabitkan Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya dekat Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang (SPICE CC); Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dekat SP Arena; Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dekat Dewan Millenium dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dekat Dewan Serbaguna Jawi di sini.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan **WATAWA NATAF ZULKIFLI** berserta jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** membuat tinjauan lanjut di lokasi-lokasi berkaitan bagi mendapatkan maklum balas awam berhubung inisiatif terbaharu ini.

Responden pertama, yang mahu dikenali sebagai **DATIN SYARIFAH ZAHARAH**, berusia 65 tahun menzahirkan perasaan girang dengan kaedah hadir terus di PPV dekat Dewan Serbaguna Jawi.

"Saya tinggal di Taman Ilmu dekat Nibong Tebal, baru sahaja daftar MySejahtera tetapi belum mendapat janji temu lagi.

"Apabila mendapat tahu daripada suami bahawa mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas boleh hadir terus ke PPV terpilih, saya tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan suntikan pertama.

"Selain itu, saya melihat para pegawai dan sukarelawan yang bertugas di PPV Jawi ini sangat berdedikasi, yang mana mereka hanya membuat pengesahan mudah menerusi kad pengenalan pemohon sahaja, tidak perlu lagi tunjuk MySejahtera atau dokumen berkaitan," katanya dalam nada gembira.

**SARAH JAAFAR** yang berusia 78 tahun pula memberitahu Buletin Mutiara bahawa beliau sebenarnya telah menerima janji temu menerusi MySejahtera sebelum ini.

"Walau bagaimanapun, makcik tidak dapat hadir kerana tidak sihat, sebab kencing manis dan darah tinggi.

*(Sambungan di muka 2).*









1. SYARIFAH Zaharah.
2. SARAH Jaafar.
3. TAY Gai Ee.
4. CHEOH Buck Wang.
5. YUSUF Ismail.
6. ZAUYAH Din.
7. HABSAH Din.
8. LIN Bee Leng.
9. M. Chellamah.




**KETUA Menteri (dua dari kanan) bersama-sama Yeoh Soon Hin (dua dari kiri) dan Abdul Razak Jaafar (kanan sekali) bergambar di hadapan dekorasi seni arca pasir semasa mengadakan lawatan ke PPV SPICE CC di sini baru-baru ini.**

(Sambungan dari muka 1).

# Syukur terima vaksin

"Kemudian, makcik mendapat sekali lagi panggilan daripada pihak Hospital Jawi minta makcik terus ke sana baru-baru ini, tetapi makcik tidak dapat pergi kerana tidak sihat.

"Makcik tinggal di Junjong sahaja, apabila dapat tahu daripada anak bahawa boleh hadir terus, sementara sihat pada pagi ini makcik minta anak terus bawa ke PPV Jawi ini," jelasnya sambil berpendapat bahawa kaedah berkaitan adalah lebih mesra kepada warga emas serta orang kurang upaya (OKU).

Bagi **TAY GAI EE**, 72, yang tinggal di Simpang Ampat, Bandar Tasek Mutiara pula berkata bahawa beliau disambut mesra oleh petugas kesihatan semasa tiba di pintu masuk Dewan Serbaguna Jawi kira-kira jam 10:30 pagi.

"Saya datang dengan ditemani suami, walaupun saya terlupa bawa kad pengenalan, pegawai kesihatan tetap memberikan nombor giliran kerana bimbang kuota 100 suntikan secara hadir terus habis sebelum suami kembali membawa kad pengenalan saya," ceritanya dalam nada gembira.

Nada yang sama turut dikongsi **CHEOH BUCK WANG**, 56, dengan ditemani anaknya di sini.

Menurutnya, beliau langsung tidak mendaftarkan diri menerusi MySejahtera.

"Kita orang lama, bukan semua tahu menggunakan (aplikasi pintar) dalam telefon, jadi, saya baru beberapa hari lepas sahaja daftar.

"Apabila mendapat tahu daripada anak bahawa di Pulau Pinang, mereka yang berusia 60 tahun dan ke atas dibenarkan hadir terus, saya terus setuju dengan permintaan anak untuk ke sini.

"Walaupun pada pagi ini, suasana agak sesak, tetapi saya lihat SOP (prosedur operasi standard) berkaitan seperti duduk dalam penjarakan 1 meter (m), pakai pelitup muka atau pelindung muka dan kerap sanitasi tangan diamalkan oleh rata-rata pengiring serta warga emas," ujar beliau sambil merakamkan penghargaan kepada Buletin Mutiara kerana membuat tinjauan umum pelaksanaan kaedah hadir terus di PPV SPS pada hari berkaitan.

Sementara itu, di SPICE CC, **YUSUF ISMAIL**, 72, dari Jelutong yang hadir secara jumpa terus memaklumkan bahawa beliau juga ada membuat pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera baru-baru ini.

"Selepas dimaklumkan buka *'walk-in'* pakcik datanglah ke sini supaya lebih cepat menerima suntikan vaksin COVID-19 ini," ujarnya yang hadir bersama-sama isterinya.

Pasangan adik-beradik **ZAUYAH DIN**, 64 dan kakaknya, **HABSAH DIN**, 71, turut hadir ke SPICE CC setelah janji temu suntikan sebelum ini tidak dapat disempurnakan.

"Sebelum ini, kami sudah dipanggil untuk cucuk (vaksin) tetapi masa hari ke klinik kesihatan, darah tinggi naik, jadi doktor tidak bagi kebenaran untuk suntik," maklum Habsah yang menetap di Sungai Ara.

**LIN BEE LENG**, 61, memberitahu bahawa beliau tidak mahu melepaskan peluang menerima suntikan pertama pada hari berkaitan setelah berlaku 'kesilapan' dalam janji temu sebelum ini.

"Hari itu, saya dapat janji temu di Nibong Tebal sedangkan saya tinggal di Taman Pekaka, Sungai Dua (pulau), masa itu bulan Julai (2021).

"Bersyukur hari ini sudah dapat suntik vaksin, proses pun tidak lama, satu jam sudah selesai," ujarnya yang ditemani anak beliau.

Turut berkongsi, **M. CHELLAMAH**, 61, menyatakan bahawa beliau sebelum ini 'terpaksa menolak' untuk menerima suntikan vaksin kerana bergejala.

"Nasib kurang baik, hari ini saya dapat janji temu vaksin, esok saya didapati positif, justeru terpaksa batalkan tawaran tersebut.

"Apabila tahu ada pembukaan PPV secara (jumpa) terus, saya ambil keputusan untuk datang.

"Perasaan bercampur-campur, seronok, takut, semua ada kerana saya menghidap kencing manis," tambahnya.



PETUGAS kesihatan sedang melakukan ujian calitan terhadap seorang bayi dalam program Penang Saring COVID-19 (PSC-19) peringkat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota, baru-baru ini.




SALAH seorang penerima vaksin bergambar kenangan selepas selesai menerima suntikan dekat PPV Vangohh Eminent Hotel di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) baru-baru ini.




AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, H'ng Mooi Lye yang turut menyediakan pengangkutan percuma bagi warga emas ke PPV.




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Cabutan 47 kerja undi perdana secara penstriman langsung



**KETUA Menteri ketika menyempurnakan acara cabutan 47 Kerja Undi Perdana Bilangan 1/2021 secara penstriman langsung menerusi laman *Facebook* JKR Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SUNGAI PINANG -** Demi menyemarakkan integriti tadbir urus Kerajaan Negeri, Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang baru-baru ini melaksanakan acara cabutan 47 Kerja Undi Perdana Bilangan 1/2021 secara penstriman langsung *(live streaming)* menerusi laman *Facebook* rasmi jabatan berkenaan.

Sebelum membuat cabutan, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa anggaran kos bagi setiap satu projek kerja-kerja awam adalah tidak melebihi RM50,000 manakala kerja-kerja teknikal (RM100,000).

"Nilai integriti merupakan komponen penting dalam memantapkan perkhidmatan yang cekap, akauntabiliti dan telus.

"Ingatlah, setiap daripada kita mempunyai tanggungjawab untuk menjaga nama baik penjawat awam.

"(Justeru,) saya berharap setiap pegawai dan kakitangan (kerajaan) mempunyai prinsip moral yang tinggi dan tidak mudah dipengaruhi dalam segala bentuk penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa," jelasnya pada majlis berkaitan yang berlangsung dekat bangunan JKR Pulau Pinang di sini 3 Ogos lalu.

Sebelum itu, Pengarah JKR Negeri, Ir. Dr. A. G. Balamurugan memberitahu bahawa Program Cabutan Undi melalui *'Live Streaming' Facebook* JKR Pulau Pinang adalah satu inisiatif yang telah diperkenalkan pada tahun 2020, dan diteruskan pelaksanaan kaedah tersebut pada tahun ini (2021).

Selain itu, beliau memberitahu bahawa nilai keseluruhan 47 projek yang ditawarkan dengan sumber kewangan Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM1.945 juta.

"Bagi tahun 2021, JKR Pulau Pinang telah membuat hebahan cabutan undi ini yang diiklankan di laman e-Perolehan Pulau Pinang pada 15 Julai 2021 bagi kontraktor Gred G1 mengikut daftar daerah dan cawangan.

"Sesi pendaftaran pula telah dibuka pada 19 Julai sehingga 22 Julai 2021 (dan) senarai nama kontraktor serta bidang kerja yang berjaya dipilih akan dimaklumkan pada hari sama serta dipamerkan di *Facebook* JKR Pulau Pinang, *Instagram*, dan *Twitter* JKR Pulau Pinang," ulasnya.

Turut menyaksikan acara tersebut, Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari; Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Seri Abdul Razak Jaafar; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Dr. Mohamad Farazi Johari; Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri, Lim Bee Kean; Ketua Unit Integriti SUK Pulau Pinang, Mohd. Faizal Che Meh, wakil-wakil persatuan kontraktor dan Ketua-ketua Bahagian JKR Pulau Pinang.

## Semarakkan semangat kemerdekaan normal baharu

**GEORGE TOWN –** Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang Tahun 2021 bagi peringkat negeri Pulau Pinang dilancarkan secara sederhana pada 7 Ogos lalu.

Mengekalkan tema 'Malaysia Prihatin', majlis pelancaran sambutan berkenaan pada tahun ini masih mengguna pakai kaedah hibrid bagi menyesuaikan amalan normal baharu dek penularan pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pandemik COVID-19 tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada rakyat di negara ini untuk terus menyemarakkan semangat kemerdekaan dan patriotisme dalam diri masing-masing.

"Saya percaya suasana normal baharu ini tidak menghalang kita semua untuk menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan dan patriotisme yang ada dalam diri, sebagaimana tekad serta keazaman kita dalam mengharungi kelangsungan hidup pada masa ini.

"Berteraskan aspirasi dan tekad inilah, Kerajaan Negeri melalui Kempen Penang Lawan COVID-19 akan terus memastikan langkah-langkah sistematik dan agresif terus diambil demi keselamatan kita semua.

"Ini juga selaras dengan hasrat Pulau Pinang untuk mencapai 100 peratus suntikan dos pertama bagi populasi dewasa menjelang awal September ini, sekali gus mencapai imuniti kelompok lebih awal daripada sasaran yang ditetapkan," katanya semasa melancarkan majlis tersebut di sini.

Hadir sama, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Abdul Razak Jaafar serta Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sahibus Samahah Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

Pada masa sama, Kon Yeow turut menyeru seluruh rakyat negeri ini agar terus berganding bahu dengan wadah dan teras yang kukuh sebagai lambang penyatuan dan keprihatinan demi keselamatan serta kesihatan sejagat.

"Terjemahan logo berbentuk hati berserta corak Jalur Gemilang yang diperkenalkan pada tahun lepas ketika pertama kali kita berdepan cabaran menentang COVID-19, kita semua tidak mempunyai pilihan selain terus berganding bahu demi keselamatan semua.

"Justeru, marilah kita bersama-sama mengibarkan Jalur Gemilang tidak kira di mana sahaja sama ada pada kenderaan, kediaman atau pejabat dan premis perniagaan bagi memeriahkan lagi sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini," serunya.

Pada majlis tersebut, Kon Yeow menerima serahan bendera Jalur Gemilang daripada Pengarah Penerangan Pulau Pinang, Dr. Haniff Hassan sebagai simbolik pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang di negeri ini.

## *PgCare Alliance*, kolaborasi bantu golongan terjejas pandemik

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO), para pemain industri utama serta golongan profesional di negeri ini berkolaborasi membentuk *PgCare Alliance* atau Gabungan PgCare bertujuan memberi sokongan dan bantuan kepada masyarakat yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pandemik COVID-19 yang berlanjutan selama hampir dua tahun telah memberi kesan kepada semua.

"Walaupun negeri kita telah memasuki Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN), kita masih berusaha untuk bangkit semula sama ada dalam aspek ekonomi mahupun sosial.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjalinkan kolaborasi dengan pelbagai NGO di negeri ini untuk membentuk suatu gabungan bagi mengukuhkan dan mempercepatkan penyaluran bantuan kepada rakyat sepanjang tempoh pandemik ini," ucapnya pada Majlis Pelancaran PgCare Alliance di sini pada 11 Ogos 2021.

Hadir sama, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, Phee Boon Poh yang juga Pengerusi PgCare Alliance; Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif merangkap Timbalan Pengerusi PgCare Alliance, Yeoh Soon Hin serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng merangkap Timbalan Pengerusi PgCare Alliance.

Turut serta, barisan ahli jawatankuasa *PgCare Alliance* iaitu Cefinny Teh Jin Pei; Datuk Seri Dr. Ooi Eng Hock; Datuk Seri Leslie Lee Kim Guan; Datuk Jimmy Ong Chin Keng; Datuk Seri Wong Siew Hai; Felix Chuah Gin Chuan; Dr. Ngoo Seong Boon dan Chong Soon Kheng.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang juga Penasihat PgCare Alliance memaklumkan bahawa selaras dengan Visi Penang2030 iaitu menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, gabungan tersebut bakal berfungsi berlandaskan empat teras utama.

"Teras pertama adalah kesihatan mental; seterusnya pekerjaan; makanan dan perlindungan serta kewangan.

"Setiap teras ini saling berkait antara satu sama lain, misalnya kebanyakan isu berkaitan kesihatan mental dan tekanan adalah berpunca daripada pekerjaan atau kedudukan kewangan semasa tempoh sukar ini," jelasnya.

Difahamkan, gabungan berkaitan juga menyediakan platform yang neutral, inklusif serta saksama kepada semua terutama mereka yang terkesan dan memerlukan bantuan akibat krisis kesihatan luar biasa ini.

Menurut Kon Yeow, sehingga hari ini, terdapat 18 NGO bergabung di bawah *PgCare Alliance* yang mana suatu platform digital bersepadu akan diwujudkan kelak.

"Platform digital ini akan diwujudkan di setiap Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) dan NGO berkaitan untuk berinteraksi secara terus dengan kelompok sasar di peringkat akar umbi.

"(Melalui interaksi ini), golongan terkesan akan dibantu sewajarnya (sama ada bantuan makanan dan perlindungan; bantuan pekerjaan; sokongan kesihatan mental dan kewangan)," katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada jawatankuasa utama yang memulakan inisiatif terbaharu ini serta menyelaras semua gerak kerja.

Perincian lanjut, layari laman web *www.PgCareAlliance.com* atau melalui *Facebook*, *pgcarealliance*.



BENIH-benih kerang dilepaskan ke perairan.

# Projek ternak kerang tingkat pendapatan nelayan

**Kerajaan** Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Jabatan Perikanan Malaysia yang berpangkalan di Batu Maung melepaskan kira-kira 2 tan matrik benih kerang di lot percubaan yang dikenal pasti sesuai sekitar perairan dekat Daerah Seberang Perai Utara (SPU), serta akan membuat taburan 1,000 kilogram (kg) lagi pada bulan Ogos depan.

Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, **DR. NORLELA ARIFFIN** memberitahu bahawa projek rintis tersebut dilaksanakan dengan menggunakan kaedah penandaan lot secara lebih tersusun serta tidak akan mengganggu operasi pukat hanyut serta aktiviti nelayan pantai di sini.



DR. NORLELA Ariffin.

"Lokasi pelepasan benih kerang ini dirahsiakan, kita telah melepaskan benih kerang pada 12 tengah malam sehari sebelum, kerana kita tidak mahu ia dikaut sebelum tempoh matang yang mengambil masa antara empat hingga lapan bulan.

"Ada 13 lot telah pun disusun, setiap satu lot berkeluasan 21 hektar, kita akan beri TOL (lesen pendudukan sementara) kepada kelompok nelayan tempatan yang terdiri daripada lapan hingga 10 orang.

"InsyaAllah, kita jangka hasil (kerang yang matang) boleh mula diraih pada suku pertama tahun hadapan (1Q22)…dengan pulangan kasar untuk setahun bagi tiap-tiap lot adalah kira-kira RM8.4 juta.

"Tujuan projek rintis peringkat SPU ini adalah untuk meningkatkan pendapatan nelayan tempatan, penduduk di sekitar kawasan ini terutama B40 (golongan berpendapatan isi rumah 40 peratus paling rendah).

"Projek rintis peringkat SPU ini merupakan salah satu projek pemulihan ekonomi Pulau Pinang yang saya usahakan bersama FRI dan Jabatan Perikanan di bawah 'Taskforce Makanan' demi meningkatkan pendapatan nelayan tempatan, penduduk di sekitar kawasan ini terutama golongan B40," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti sebelum menyempurnakan acara gimik pelepasan benih kerang ke laut di perairan Bagan Ajam di sini pada 29 Julai 2021.

ADUN Teluk Air Tawar, Dato' Mustafa Kamal Ahmad; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Norly Masitah Mohamad Noor; Pegawai Penyelidikan FRI, Muhammad Farouk Harman dan Penolong Pegawai Penyelidik FRI merangkap pengarah projek rintis tersebut, Dr. Hadzley Harith turut sertai acara berkaitan.

Mengulas lanjut, Norlela memberitahu bahawa projek rintis tersebut merupakan satu lagi program yang beliau sendiri bentangkan dalam Majlis Pemulihan Ekonomi Negeri Pulau Pinang serta mendapat persetujuan dalam Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri baru-baru ini.

"Buat kali pertama di Pulau Pinang, kita (Pihak Berkuasa Negeri) menyusun semula lot-lot projek ternak kerang dengan kita wujudkan lot TOL baru bagi kawasan SPU.



MUHAMMAD Farouk Harman.

"FRI dah buat penyelidikan samudera dengan mengambil sampel air, tanah selut, rekod suhu air dan sebagainya, 13 lot ini adalah sesuai (untuk penternakan kerang) serta bebas daripada ancaman haiwan pemangsa.

"Kita memang nak serah lot TOL ini terus kepada kelompok-kelompok nelayan, maka kelompok yang nak pegang lot TOL itu kena ada syarikat perniagaan (milikan bersama).

"Ini kerana, kita tidak mahu ia (kawasan penternakan kerang) dibolot atau dimonopoli oleh empat atau lima individu.

"Selepas ini, kita akan menyusun semula kawasan ternakan kerang di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) dalam bentuk lot yang mana kita akan serahkan TOL kepada kelompok nelayan tempatan terutama B40.

"Dengan adanya kaedah lot yang lebih tersusun ini, para peserta cuma perlu rajin (ke laut) sahaja agar hasil di kawasan TOL hak milik mereka boleh diraih, tidak dicuri atau dibolot oleh mana-mana individu lain," ujarnya lagi sambil merakamkan penghargaan kepada FIR kerana banyak membantu membuat kajian samudera berkaitan hampir enam bulan lepas.

Dalam perkembangan berkaitan, Norlela turut mengumumkan cadangan projek penarafan dan mendalamkan kawasan perairan dekat Jeti Nelayan Penaga dan Jeti Nelayan Sungai Tembus untuk tujuan pendaratan hasil nelayan pantai.

Ketua Unit Nelayan Bagan Ajam, **AZLAN ABDUL**, 53, yang dihubungi kemudian memberitahu bahawa pihaknya menyambut baik usaha Norlela dalam meningkatkan pendapatan penduduk lokal terutama B40.



AZLAN Abdul.

"Bagi saya dan unit nelayan setempat, kami memang sokong penuh kerana projek ini tumpu meningkatkan pendapatan penduduk setempat dan B40.

"Lagipun, sebelum ini tidak ada projek seumpama ini (ladang ternak kerang secara tersusun) di sini kecuali di Juru.

"Apabila tiap-tiap satu lot ini bukan milik individu, sebaliknya diserahkan kepada kelompok nelayan tempatan yang mungkin sampai 15 orang, ramai yang dapat peluang manfaat di bawah Pelan Pemulihan Ekonomi Pulau Pinang ini, ia tidak boleh dibolot oleh mana-mana individu.

"Seperkara lagi, saya sendiri menyokong (hasil kajian samudera) yang dibuat FRI dengan memilih kawasan perairan sebagai tapak 13 lot pembenihan kerang kerana daripada segi air laut memang elok serta kurang 'musuh kerang' (haiwan pemangsa), berbanding di Juru dan Sungai Acheh," ulasnya.

Turut mengulas, Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Seberang Perai dan Pulau Pinang, **MAHADI MD. RODZI**, 56, berkata bahawa pihaknya turut akan mengumpul data maklumat ahli persatuan yang berminat untuk menyertai 'projek penternakan kerang' peringkat SPU, untuk diserahkan kepada Jabatan Perikanan Negeri.



MAHADI Md. Rodzi.

"Di bahagian Seberang Perai ini, kerang liar memang banyak di perairan Bagan Ajam, tetapi tidak terkawal sebelum ini.

"Apabila ada perancangan mewujudkan lot secara tersusun, dan akan dijaga baik oleh pihak berkaitan, saya berharap agar habitat kerang mampu bertambah berlipat kali ganda.

"Di samping nelayan tempatan pergi ke laut seperti biasa, mulai suku pertama tahun hadapan (2022), mereka juga berpeluang meningkatkan pendapatan sampingan melalui aktiviti tangkapan kerang di lot TOL masing-masing.

"Usaha Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan dan FRI sebagaimana dinyatakan oleh Dr. Norlela, saya sokong kerana mahu meningkatkan lagi pendapatan nelayan tempatan terutama B40 agar mereka boleh jadi M40.

"Oleh itu, saya akan membantu mengumpul maklumat nelayan untuk menyertai projek (ladang ternakan kerang peringkat Daerah SPU) ini," katanya.

Tambah beliau, daripada lebih 6,000 ahli Persatuan Nelayan Kawasan Seberang Perai dan Pulau Pinang, 2,332 orang adalah anggota Unit Nelayan Seberang Perai.

# Bantuan sayur-sayuran secara pandu lalu

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BERTAM –** Sebanyak 5,000 pek sayur-sayuran seberat lebih 15 tan matrik mula diagihkan kepada penduduk lokal sekitar Seberang Perai serta wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan di negeri ini.

Bercakap kepada pemberita, Teh Lai Heng yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri berkata bahawa pihaknya berharap program bantuan segera itu dapat meringankan lagi beban penerima terutama mereka yang terjejas dek pelaksanaan kawalan pergerakan.

Menurut beliau, edaran bekalan sayur-sayuran akan dilaksana secara pandu lalu dengan menggunakan lori.

"Saya berasa program ini amat bermakna kerana turut melibatkan kerjasama dengan persatuan pekebun sayur di Pulau Pinang.

"Mewakili Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow), saya ingin merakamkan penghargaan kepada para penaja, penyumbang serta pekerja-pekerja yang terlibat dalam mengagihkan pek sayur-sayuran ini," jelasnya ketika ditemui dekat Pejabat Pegawai Penyelaras Khas Kepada Ketua Menteri, Lay Hock Peng di sini pada 1 Ogos 2021.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I merangkap ADUN Pinang Tunggal, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman dan Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Ooi Yong Wooi.

Pada sidang media sama, Hock Peng memberitahu bahawa pejabatnya akan mengedarkan pek sayuran tersebut secepat mungkin dengan bantuan 38 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) peringkat lokal.

Malah, beliau menyatakan bahawa para penduduk sekitar kawasan Parlimen Kepala Batas turut dialu-alukan untuk mengambil bekalan pek sayur-sayuran yang diperlukan di pejabat beliau secara pandu lalu.

"Setiap bungkusan ini adalah kira-kira 3 kilogram (kg), kita juga menyediakan bekalan 15,000 keping pelitup muka dan 10,000 bungkusan biskut yang mungkin diperlukan oleh penduduk juga," ujarnya.


IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (kanan sekali) bersama-sama Teh Lai Heng (berbaju putih) mengedarkan pelbagai sayur-sayuran kepada golongan memerlukan di sini baru-baru ini.


LAY Hock Peng (dua dari kiri) mengedarkan bungkusan sayur-sayuran kepada anggota Angkatan Pertahanan Awam bertugas.

Difahamkan, bekalan sayur-sayuran tersebut diperoleh menerusi para pekebun dari tanah tinggi Cameron Highlands dekat negeri Pahang serta beberapa kawasan lain.

Mengulas lanjut, Hock Peng memberitahu bahawa seramai 70 operator terlibat dalam kerja-kerja membungkus pek sayur-sayuran pada hari berkaitan.

"Seramai 70 orang terlibat membantu untuk kerja-kerja membungkus sayur-sayuran segar ini serta mewujudkan pusat edaran di sini, supaya semua bekalan bantuan dapat diedar dalam masa yang singkat.

"Bagi memastikan tidak ada perkara yang tidak diingini berlaku, semua kenderaan yang datang mengambil sayur turut disanitasi.

"Penduduk boleh datang ke sini untuk mengambil pek sayur-sayuran yang diperlukan secara pandu lalu juga," katanya.

Di samping itu, beliau menjelaskan bahawa pihaknya turut mengedarkan bekalan bantuan sayur-sayuran ke Pejabat Daerah Seberang Perai Utara (SPU), Ibu Pejabat Polis Daerah SPU, Balai Bomba Kepala Batas, *Penang Shan Children's Home, Children's Protection Society, Ru Yi Home*, Pertubuhan Kebajikan Da Zhi Jiang Tang dan beberapa pihak lagi.

Pengerusi Persatuan Pekebun Sayur Pulau Pinang, Ng Lean Hooi yang ditemui kemudian berkata, kolaborasi pelbagai pihak dalam menganjurkan program agihan bekalan sayur-sayuran berkaitan sekali gus membantu para pekebun yang terlibat.

"Semua pihak sedia maklum bahawa pandemik telah menjejaskan hampir semua sektor (ekonomi), namun, kita (para pekebun) turut mahu membantu mana-mana pihak yang terjejas serta memerlukan bantuan.

"Sayur-sayuran yang kita sumbangkan ini termasuk timun, kacang panjang, labu air, bendi dan sebagainya," ulasnya.

# Projek rintis URC Blok 5 Mahsuri jangka mula awal tahun

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekali lagi melakar sejarah dalam pembangunan perumahan melalui pelaksanaan projek rintis Program Pembaharuan Semula Bandar (URC) membabitkan Blok 5 Mahsuri, Bayan Baru di sini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa projek rintis yang akan bermula awal tahun hadapan merupakan projek URC pertama dalam negara.

Menurut beliau, pembaharuan semula bandar adalah kaedah terbaik yang boleh diterapkan dalam mengatasi masalah kekangan atau kekurangan tanah sebagaimana dihadapi di Pulau Pinang.

"Ia merupakan projek rintis pertama hasil perbincangan sebelum ini, dan secara holistiknya, selain menyelesaikan isu kekangan tanah, pendekatan ini juga dapat menambah baik taraf hidup pemilik asal yang (rumah) bersaiz lebih kecil, malah faktor keselamatan juga diambil kira berdasarkan usia bangunan dan rosot *(deteriorate)* struktur.



JAGDEEP Singh Deo (tengah) bersama-sama pihak terbabit ketika mengadakan lawatan tapak ke Blok 5 Mahsuri, Bayan Baru di sini baru-baru ini.

"Melalui pelaksanaan ini, keutamaan Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan kebajikan unit asal terjaga selain mengoptimumkan penggunaan tanah," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke tapak projek berkaitan pada 2 Ogos lalu.

Hadir sama, Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), 'Ainul Fadhilah Samsudi; Nur 'Aishah Md. Norodin (Ketua Penolong Setiausaha Kanan Bahagian Kerajaan Tempatan) dan wakil-wakil Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) terlibat.

Blok 5 Mahsuri yang dibangunkan kira-kira 30 tahun lalu mempunyai kira-kira 300 unit rumah dengan keluasan antara 300 hingga 400 kaki persegi (kp).

Mengulas lanjut, Jagdeep yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa selain menawarkan unit pembaharuan semula yang lebih besar, kawasan tersebut juga bakal dilengkapi dengan pelbagai kelengkapan awam lain termasuk kemudahan keselamatan.

"Unit-unit baharu ini akan didirikan dengan keluasan 700 hingga 800kp, dan kita akan memberi keutamaan pemilikan kepada penduduk asal. Sekiranya mereka menolak, maka kita akan buka kepada rakyat yang berminat," maklumnya.

Bercakap pada sidang media yang sama, Jagdeep turut mengumumkan empat lagi skim perintis melalui kaedah URC iaitu Rumah Pangsa Taman Free School, Rumah Pangsa Padang Tembak, Taman Siakap di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Rumah Pangsa Mak Mandin di Daerah Seberang Perai Utara (SPU).

"Kelima-lima projek URC ini akan menyumbang kepada 10,065 unit secara keseluruhannya iaitu Rumah Mampu Milik A sebanyak 3,500 unit, RMM B (1,475 unit) dan RMM C (5,090 unit)," ulasnya.

# Pulau Pinang lokasi terbaik

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI & PESA**

**KEDUDUKAN** strategik negeri Pulau Pinang yang dikelilingi oleh laut merupakan lokasi terbaik untuk mempromosi serta mengembangkan sukan perahu layar.

Malah dengan kedudukan geografi yang strategik, Pulau Pinang acap kali dipilih sebagai lokasi penganjuran sukan perahu layar di dalam negara, sekali gus menjadi negeri tarikan buat para pelayar dari seluruh dunia untuk datang ke sini.

Difahamkan, sebelum pandemik COVID-19 melanda dunia, Pulau Pinang telah menjadi tuan rumah kepada 12 pertandingan perahu layar pelbagai peringkat.

Pengerusi Persatuan Perahu Layar Negeri Pulau Pinang (PESA), **MALIK FAISAL ABDUL RAHIM** berkata, pelbagai perancangan dan kejohanan telah dirancang bagi memartabat serta merancakkan sukan perahu layar sepanjang tahun 2020, namun semuanya hanya tinggal kenangan apabila seluruh dunia diancam wabak COVID-19.

Namun, itu tidak mematahkan semangat beliau dan pasukannya untuk terus menaikkan nama sukan perahu layar di negeri ini.

"Saya bersyukur sebelum pandemik melanda dunia, kami (PESA) sempat bekerja keras selama kira-kira enam bulan untuk melakukan perancangan rapi, merangka semula hala tuju dan pembangunan sukan serta persatuan di masa hadapan.

"Ketika diberikan amanah memegang tampuk Pengerusi persatuan pada ketika itu (Jun 2019), atlet sukan perahu layar yang berusia di antara tujuh hingga 19 tahun hanya ada 22 atlet.

"Namun, hasil pelbagai promosi dan kempen yang dijalankan di sekolah-sekolah selama tempoh tersebut (enam bulan), kini kami mempunyai 52 orang atlet untuk dilatih dan dibentuk secara intensif menjadi atlet profesional negeri.



**MALIK Faisal Abdul Rahim menunjukkan Trofi Kejohanan Piala TYT yang tidak dapat dilangsungkan pada tahun lalu.**

"Jika diikutkan, tahun lalu (2020) banyak program telah dirancang termasuk Kejohanan Piala Tuan Yang Terutama (TYT) buat julung kalinya, tetapi ia tidak berjaya dilangsungkan seperti yang dirancang pada 18 Mac 2020, memandangkan seluruh Malaysia telah diisytiharkan berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh bermula 16 Mac 2020," kongsinya dalam nada sedikit kecewa.

Bercerita lanjut, Malik Faisal memberitahu bahawa Pulau Pinang telah dipilih menjadi tuan rumah untuk Kejohanan Pelayaran Majlis Sukan Sekolah Malaysia Pulau Pinang 2019 anjuran Bahagian Sukan dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Kebanyakan kejohanan yang berlangsung di negeri ini sememangnya mendapat sambutan amat menggalakkan, dan kejohanan tersebut disertai 16 kontinjen dari seluruh Malaysia yang mengambil bahagian.

"Malah, tahun ini juga, Pulau Pinang telah dipilih sekali lagi untuk menjadi tuan rumah kejohanan yang sama pada Oktober ini, tetapi memandangkan pandemik ini masih berlanjutan kemungkinan konsep kejohanan akan ditukar menjadi *e-sailing* iaitu secara elektronik.

"Jika ia dilaksanakan secara elektronik, maka orang awam terutamanya para *gamers* juga boleh turut serta, konsepnya masih sama dinilai berasaskan pematuhan, kemahiran mengawal layar dan juga bagaimana peserta bijak membaca arah angin.

"Tetapi, di pihak persatuan kami masih beranggapan bahawa kejohanan secara fizikal adalah lebih baik… kerana apabila atlet dari negeri atau negara lain datang ke sini ia sekali gus membolehkan atlet-atlet kita (Pulau Pinang) mendapat pendedahan serta pengalaman beraksi dengan mereka.

"Antara atlet masyhur yang pernah datang ke Pulau Pinang ialah Lee Lai-Shan (atlet luncur angin) dari Hong Kong yang memenangi pingat emas pada Sukan Olimpik Atlanta 1996 dan atlet-atlet dari Singapura, Australia, Taiwan dan lain-lain," ujarnya.



**MOHD. Rozi Tajuddin.**

## Pembangunan sukan perahu layar

Berdasarkan visi, misi dan objektif PESA yang telah ditambah baik, Malik Faisal memberitahu bahawa terdapat enam dasar pembangunan sukan pelayaran Pulau Pinang dirangka iaitu:

(i) Pemerkasaan pengurusan organisasi dan kejurulatihan;

(ii) Program Talent ID bagi mencungkil bakat baru dalam sukan pelayaran;

(iii) Penambahbaikan dan naik taraf konsep latihan serta peralatan sukan;

(iv) Mewujudkan kerjasama dan sokongan daripada pihak jabatan kerajaan serta swasta;

(v) Penyertaan kejohanan-kejohanan bertaraf tinggi untuk memberikan pendedahan kepada atlet dan promosi sukan pelayaran;

(vi) Mewujudkan Akademi/Pusat Pelayaran Persatuan untuk menjadi tapak perancangan aktiviti.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa bagi Program Talent ID, PESA juga telah mengenal pasti tujuh sumber yang boleh menyumbang kepada pemerkasaan perancangan berkenaan yang dapat dicungkil melalui bakat-bakat di sekolah, kelab dan persatuan tempatan, persatuan belia, Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Daerah, LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia) dan unit-unit nelayan, rumah-rumah kebajikan dan anak yatim serta cadangan mewujudkan kelab pelayaran di peringkat sekolah.



**MOHAMAD Zaidi Othman.**

"Setakat ini, beberapa peringkat perancangan telah diadakan antaranya mewujudkan Pusat Sukan Pelayaran Daerah Barat Daya dengan menjadikan Asrama Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Teluk Bahang sebagai asrama penempatan atlet-atlet pelayaran yang akan mengikuti latihan di Pusat Kegiatan Sukan Air Tanjung Bungah.

"PESA juga telah mengenal pasti empat lokasi untuk dijadikan sebagai Pusat Aktiviti Kanak-kanak Daerah, yang mana lazimnya kanak-kanak yang datang ke sini hanya akan bermain *indoor game* seperti karom, ping pong dan sebagainya.

"Justeru, kita telah mengadakan perbincangan dengan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk menyediakan pengangkutan bagi membawa kanak-kanak yang berminat ke pusat latihan untuk mengikuti kelas pelayaran di Tanjung Bungah mahupun Bagan Ajam.

"Namun, semua perancangan ini tergendala dek pandemik sekarang ini," ulasnya yang tidak lokek berkongsi inisiatif persatuan berkenaan dengan kami.

Turut menyertai sesi wawancara tersebut ialah Timbalan Pengerusi PESA, Mohamad Zaidi Othman dan Mohd. Rozi Tajuddin (Setiausaha PESA).

## Penambahbaikan kejurulatihan dan peralatan sukan

Jika disebut sukan pelayaran, umum beranggapan bahawa sukan tersebut memerlukan kos yang tinggi, realitinya ia adalah sebaliknya kerana untuk menjadi seorang atlet sukan layar, apa yang diperlukan hanya semangat, pengorbanan dan minat.

Menurut Malik Faisal, tidak seperti sukan fizikal lain yang memerlukan kos tinggi termasuk kelengkapan pakaian, kasut dan sebagainya.

"Jika taekwondo atau sukan bola sepak, atlet perlu melabur untuk membeli pakaian, kasut serta kelengkapan lain, tetapi untuk sukan layar mereka hanya perlu datang berlatih sahaja, peralatan seperti bot dan sebagainya kami sediakan.

"Malah, yuran RM50 setahun yang dikenakan pun adalah bertujuan menyediakan makan minum atlet setiap hari ketika berlatih," ujarnya.

Difahamkan bahawa sejak Jun 2019 sehingga kini, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah memberikan peruntukan kira-kira RM90,000 kepada PESA untuk pembangunan sukan berkenaan termasuk penganjuran kejohanan.

"Alhamdulillah kita mendapat sokongan padu daripada MSNPP, Exco Belia dan Sukan (Soon Lip Chee) dan Kerajaan Negeri sendiri. Malah kita juga mempunyai tajaan daripada pihak swasta seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Penang Port (Sdn. Bhd.).

*(Sambungan di muka 7).*

*(Sambungan dari muka 6).*

# sukan perahu layar



"Exco juga telah mencadangkan untuk memindahkan pusat latihan perahu layar di Bagan Ajam ke Lingkaran Luar Butterworth, yang mana kini kami hanya menunggu Jabatan Laut Pulau Pinang untuk menggazetkan kawasan pantai tersebut sebagai kawasan latihan pelayaran," ulasnya lanjut.

Difahamkan, PESA mempunyai aset yang terdiri daripada 26 bot jenis *Optimist*, *Laser* (5), *International 420*, *Bic Techno* (5) dan *RS One* (2). Manakala, terdapat tiga jurulatih sepenuh masa serta dua jurulatih tambahan masih di peringkat perancangan disediakan untuk latihan intensif para atlet.

## Pembangunan masa depan atlet

Ditanya berhubung masa hadapan atlet sukan perahu layar, Malik Faisal memberitahu bahawa pada hemahnya atlet sukan pelayaran mempunyai masa depan cerah, malah berpeluang mengelilingi dunia.

"Kami di sini bukan sahaja berperanan 'menjaga' atlet sepanjang mereka berada di bawah PESA, sebaliknya kita akan pantau mereka sehingga memasuki alam kerjaya sebab mereka ini berjasa kepada persatuan.

"Jika ditanya peluang masa depan, saya rasa ia cukup cerah malah berpeluang menjana pendapatan lumayan dan mengelilingi dunia yang mana berbekalkan kemahiran sedia ada untuk mengemudi bot, mereka dapat belayar ke seluruh dunia malah boleh menjana pendapatan dengan mengemudi kapal-kapal mewah persendirian.

"Kita juga tidak berpeluk tubuh sahaja, terbaharu pada 6 Mei 2021, PESA telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perlis, Kampus Arau.

"Kerjasama ini bukan sahaja untuk saling bertukar pendapat, kemahiran pengurusan dan pembangunan sukan, tetapi daripada segi biomekanik, fisiologi, sosiologi serta pencegahan kecederaan termasuk konsultasi nutrisi dan diet.

"Malah, kita juga telah bersetuju supaya pelajar fakulti berkenaan yang berminat untuk melaksanakan latihan industri dengan PESA, dan atlet-atlet PESA juga selepas 17 tahun mempunyai peluang yang besar untuk terus diterima melanjutkan pelajaran di fakulti yang sama," maklumnya.

## Atlet dan kejohanan

PESA juga telah berjaya melahirkan nama-nama besar dalam arena sukan pelayaran dalam negara, antaranya Israr Hazim Ismail; Nurul Shazwanie Mohd. Saad; Ahmad Hakimi Ahmad Shukri atau Razman Mat Ali serta Katherine Ong Xin Yean.

"Malah, kini kita mempunyai senarai nama 12 atlet yang akan disenarai pendek dan dimuktamadkan untuk menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) yang bakal datang.

"Jika dilihat, tiada atlet negeri ke Olimpik Tokyo kali ini, tapi anak watan Teluk Kumbar, Israr Hazim dilihat mampu menjadi bakal pelapis bagi menggantikan Khairul Nizam Mohd. Affendy kelak," ulasnya.

Bagi yang berminat menyertai sukan ini sila hubungi Mohamad Zaidi di talian 012 - 558 7212 atau Mohd. Rozi (017 - 499 0078).



**AKSI atlet-atlet yang sedang mengemudi perahu layar masing-masing.**



PENANG LAWAN COVID-19

# Vaksin dan patuh

> **Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut dipuji atas dasar dan keprihatinan yang ditunjukkan bagi meringankan bebanan rakyat yang terkesan dek pandemik. Pelbagai bentuk bantuan sama ada daripada segi kewangan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang mahupun bantuan sosial lain seperti bantuan bakul makanan, perlindungan, menyediakan perkhidmatan sokongan dan kaunseling serta bantuan padanan kerjaya kepada kelompok rakyat yang terkesan akibat COVID-19 tersedia.**

**PANDEMIK** COVID-19 telah mengejutkan dunia serta mentransformasikan keseluruhan sistem kehidupan sejagat. Impaknya bukan sedikit, malah hampir-hampir melumpuhkan sistem kesihatan dan ekonomi global serta kehidupan masyarakat yang lazimnya terhenti.

Pelbagai inisiatif dengan penerapan normal baharu diperkenalkan sama ada pada peringkat Persekutuan mahupun Negeri, dengan tujuan yang sama iaitu membendung penularan sekali gus menangani sepenuhnya krisis kesihatan luar biasa yang melanda dunia kini.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** bersama-sama jurugambar, **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** berkesempatan bertemu dengan Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tuan Yang Terutama (TYT) **TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI ABDUL RAZAK** bagi mendengar perspektif beliau mengenai situasi semasa pandemik COVID-19 di negeri ini.

Malah, sesi wawancara yang berlangsung pada 8 Ogos 2021 berkaitan juga adalah istimewa kerana ia merupakan hari ke-100 Ahmad Fuzi dilantik sebagai TYT negeri Pulau Pinang.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut dipuji atas dasar dan keprihatinan yang ditunjukkan bagi meringankan bebanan rakyat yang terkesan dek pandemik.

Pelbagai bentuk bantuan sama ada daripada segi kewangan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang mahupun bantuan sosial lain seperti bantuan bakul makanan, perlindungan, menyediakan perkhidmatan sokongan dan kaunseling serta bantuan padanan kerjaya kepada kelompok rakyat yang terkesan akibat COVID-19 tersedia.

"Sebagaimana semua telah maklum, ramai dalam kalangan rakyat yang tercicir dari segi pekerjaan, ramai juga yang mengalami penurunan pendapatan.

"Ada yang terpaksa mengibarkan 'bendera putih' untuk mendapatkan bantuan makanan dan sokongan kewangan...paling menyedihkan, ada yang sanggup membunuh diri disebabkan oleh tekanan jiwa rentetan kesempitan hidup yang dialami.

"Mungkin daripada segi impaknya agak sukar untuk menyelesaikan sepenuhnya keperluan rakyat dan tidak ada kerajaan atau pihak lain yang dapat berbuat demikian kerana sukar untuk diberikan secara berterusan memandangkan sumber kewangan yang sentiasa terhad.

"Justeru, tumpuan utama perlu diberikan ke arah menyelesaikan pandemik COVID-19 ini melalui pendekatan vaksinasi serta pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan yang mana wajar dipatuhi supaya ekonomi dapat digerakkan semula," ujarnya yang turut menyanjungi segala inisiatif yang dilakukan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan orang perorangan demi meringankan bebanan mereka terjejas.

Dalam pertemuan itu juga, Ahmad Fuzi sudi berkongsi cerita mengenai anak perempuannya yang perlu menjalani kuarantin setelah disahkan positif baru-baru ini.

"Anak perempuan saya telah berkahwin dan menetap di Afrika Selatan bersama-sama seorang cucu dan ibu mentua yang berusia 86 tahun.

"Apabila mendapat perkhabaran itu, saya dan isteri memang rasa tidak senang duduk, mana tidaknya, anak jauh dari pandangan mata kita. Alhamdulillah, selepas kuarantin dan rawatan, dia kini telah sihat sepenuhnya.

"Anak saudara saya juga sama, baru mendirikan rumah tangga tahun lalu dan disahkan positif akibat jangkitan di tempat kerja.

"Isteri pula mengandung lapan bulan dan perlu menjalani pembedahan, alhamdulillah keluarganya semua kini telah pulih," kongsi beliau yang turut mendoakan kesihatan dan kesejahteraan semua semasa pandemik ini.



TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak.

> **Vaksin adalah kunci utama bagi mengekang penularan wabak COVID-19 sekali gus mengurangkan kadar kebolehjangkitan. Secara peribadi, vaksin efektif dan amat diperlukan secepat mungkin untuk menghapuskan wabak ini daripada terus berada dalam komuniti. Lambat-laun semua orang perlu menerima vaksin, walaupun ia bukanlah mandatori buat masa ini namun perkara sebegini tidak harus dipandang ringan.**

## Vaksin adalah kunci

Menurut Ahmad Fuzi, vaksin adalah kunci utama bagi mengekang penularan wabak COVID-19 sekali gus mengurangkan kadar kebolehjangkitan.

"Secara peribadi, vaksin efektif dan amat diperlukan secepat mungkin untuk menghapuskan wabak ini daripada terus berada dalam komuniti.

"Lambat-laun semua orang perlu menerima vaksin, walaupun ia bukanlah mandatori buat masa ini namun perkara sebegini tidak harus dipandang ringan.

"Begitu juga pematuhan SOP kerana garis panduan yang disediakan ini bukanlah untuk suka-suka, semuanya bersebab," tegasnya yang turut berharap agar proses vaksinasi dapat diselesaikan segera.

Ditanya mengenai respons rakyat Pulau Pinang terhadap program imunisasi yang giat dilaksanakan kini, beliau berpandangan bahawa segalanya baik dan amat menggalakkan.

*(Sambungan di muka 9).*

(Sambungan dari muka 8).

# SOP kunci utama

"Kalau ada pun, hanya segelintir kecil sahaja yang masih enggan mendaftar atau mengambil bahagian dalam program imunisasi.

"Saya yakin sasaran kerajaan untuk memberi imunisasi kepada semua penduduk dewasa di Pulau Pinang pada bulan September ini akan tercapai sekiranya vaksin yang dibekalkan mencukupi," katanya yang telah menerima dos vaksin lengkap baru-baru ini.

## Cabaran menangani pandemik

Berdasarkan situasi semasa penularan varian baharu, Ahmad Fuzi berkata bahawa cabaran terbesar bukan sahaja bagi Pulau Pinang, bahkan Malaysia dan juga seantero dunia adalah kemampuan untuk kembali pulih seperti sedia kala.

"Nampak sukar sekali dan hakikat ini turut diakui oleh pakar-pakar perubatan tempatan dan luar negara.

"(Dan) yang pasti kita terpaksa hidup dengan COVID-19 ini sepertimana kita telah sekian lama hidup dengan penyakit selesema misalnya.

"Virus ini juga dijangka tidak akan hilang begitu sahaja dan paling ditakuti adalah merebaknya pula varian baharu seperti varian Delta sekarang ini yang akan terus melanda tanpa kesudahan.

"Situasi sedemikian pastinya meninggalkan impak yang besar terhadap sistem dan norma kehidupan seharian kita," jelasnya yang turut menyeru agar rakyat Pulau Pinang bersatu hati menyokong segala usaha dan inisiatif kerajaan dalam menangani pandemik COVID-19 ini.

Sekali lagi beliau menegaskan bahawa pematuhan terhadap SOP amat penting dan tidak seharusnya dipandang ringan.

"Saya yakin dengan sokongan padu semua rakyat, objektif bersama kita ke arah menangani pandemik ini akan dapat dicapai akhirnya, InsyaAllah," katanya.

> **"Sebagai sebuah negeri maju, Pulau Pinang sememangnya bertuah kerana mempunyai banyak kelebihan daripada segi kedudukan geografi strategik, politik yang stabil, kadar literasi tinggi untuk menampung keperluan sumber manusia, infrastruktur moden serta sistem perundangan dan pentadbiran yang matang."**

## 100 Hari sebagai Yang di-Pertua Negeri Ke-VIII

Tanggal 8 Ogos 2021 genap 100 hari Ahmad Fuzi mengangkat sumpah jawatan sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Ke-Lapan. Sepanjang tempoh tersebut juga, Pulau Pinang telah melalui beberapa siri perubahan di luar kebiasaan normal baharu.

Pastinya sukar, namun bagi bekas diplomat berkenaan, tempoh 100 hari pertama digunakan untuk mendekati pimpinan tertinggi di negeri ini sama ada daripada pentadbiran kerajaan, pihak swasta dan NGO.

"Saya telah mengambil kesempatan dalam tempoh 100 hari ini untuk bertemu secara berasingan dengan Ketua Menteri; Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri; Setiausaha Kerajaan Negeri; Mufti dan Ketua-ketua pelbagai Jabatan serta Agensi Kerajaan sama ada di peringkat Negeri mahupun Persekutuan.

"Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin daripada pihak swasta dan pertubuhan serta badan bukan kerajaan (NGO).

"Pertemuan ini adalah bagi mendengar taklimat mengenai program-program semasa serta perancangan masa hadapan dan proses (untuk bertemu dengan pihak berkaitan) ini belum lagi selesai, saya akan teruskan selanjutnya," katanya.

Menurut Ahmad Fuzi, melalui sesi pertemuan tersebut membolehkan beliau mendapat gambaran yang jelas mengenai kedudukan semasa dan hala tuju para pemimpin sama ada di peringkat parti politik; jabatan dan agensi kerajaan serta NGO berkaitan di Pulau Pinang.

"Sebagai sebuah negeri maju, Pulau Pinang sememangnya bertuah kerana mempunyai banyak kelebihan daripada segi kedudukan geografi strategik, politik yang stabil, kadar literasi tinggi untuk menampung keperluan sumber manusia, infrastruktur moden serta sistem perundangan dan pentadbiran yang matang.

"Rakyat Pulau Pinang juga mempunyai aspirasi yang tinggi untuk terus maju bagi mencapai tahap pembangunan lebih tinggi dalam pelbagai bidang termasuk pelaburan dan industri, pertanian, ekonomi digital, pelancongan serta kebudayaan (yang mana) ia sejajar dengan hasrat kerajaan ke arah Visi Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Aspirasi Negara.

"(Dan) saya bersedia membantu setakat mana yang boleh, bersesuaian dengan tanggungjawab perlembagaan saya bagi mencapai objektif yang ditetapkan," ulasnya yang turut gembira untuk kembali berkhidmat di negeri kelahiran, Pulau Pinang.

Tambah Ahmad Fuzi, walaupun 'kepulangan' ke Pulau Pinang dengan menggalas tanggungjawab yang berbeza, namun beliau tetap akan menumpahkan taat setia yang sebenar terhadap negeri Pulau Pinang khasnya dan Malaysia amnya serta melaksanakan amanah yang diberikan kepada dirinya.

(Sambungan di muka 14).



RAKAMAN kenangan bersama-sama Sidang Redaksi Buletin Mutiara sejurus sesi wawancara yang diadakan di sini baru-baru ini.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail | (T) |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| | |
| | |
| | |
| | |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Aida Yusof Rawa<br>aidayusofrawa@gmail.com | (T) 019 - 338 2668 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Rosli Hasan | (T) 010 - 468 5990 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Mohd. Taupek Abd. Rahman<br>hajifek@gmail.com | (T) 019 - 415 3850 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| PBA (PUSAT PANGGILAN 24 JAM) | 04-255 8255 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |

| | |
|---|---|
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |


TIADA PERGERAKAN, TIADA JANGKITAN!




penanglawancovid19
t.me/penanglawancovid19
penanglawancovid19.com
PENANG 2030

penanglawancovid19

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBSP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBSP | 04 - 549 7555 |
| Ahmad Rizal Abd. Hamid | 019 - 464 6696 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390<br>04 -507 5390 |
| Chee Yeeh Keen | 019 - 455 7731 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397<br>04 - 399 6689 |
| Fahmi Zainol | 018 - 232 2502 |
| Galaimani a/l Subramnian | 012 - 534 1384 |
| Harryzan Yaakub | 019 - 456 8484 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Muhamad Suzuki Ahmad | 0111 - 1119 4419 |
| Ng Yee Siang | 010 - 562 2698 |
| Ngoh Cheng Hai | 017 - 979 0933 |
| Noor Azuawati Ahmad | 018 - 965 4559 |
| Norly Masitah Mohamed Noor | 013 - 582 2503 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Boon Sheng | 016 - 447 8320 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Tan Bee Hong | 019 - 458 8321 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Choo Eng | 019 - 448 4344<br>04 - 323 2679 |
| Teh Chuann Yien | 010 - 441 7749 |
| Zainuddin Mohamed | 012 - 479 4200 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Penyelia Bahagian Kewarganegaraan | 013 - 449 0366 |
| 2. | K. Velan | Barat Daya | Pejabat Bahagian Kewarganegaraan Pulau Pinang, Tingkat 3, KOMTAR<br>04 - 650 5556 | 018 - 394 4537 |
| 3. | Lim Zheng Han | Seberang Perai Utara | | 011 - 1244 7167 |
| 4. | K. Nirmala | Seberang Perai Tengah | | 017 - 572 0272 |
| 5. | K. Viknesh Prabu | Seberang Perai Selatan | | 012 - 693 4786 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2021

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Abdul Latif Mohamad | 012 - 248 5016 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Alan Lim Wei Lun | 017 - 343 3995 |
| Dr. Shahul Hameed Syed Mohamed | 013 - 431 9384 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Haji Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 019 - 413 8114 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Lee Chee How | 012 - 470 3389 |
| Lee Kim Noor | 04 - 229 8382 |
| Lee Wei Seang | 012 - 452 8305 |
| Muhamad Khairul Mohd Ali | 012 - 542 0520 |
| Mohd Suhairi Arumugam Abdullah | 016 - 521 3369 |
| Nor Afni Md. Yusuff | 019 - 547 8460 |
| Quah Boon Lim | 017 - 462 2431 |
| Rodziah Abul Khassim | 019 - 319 4840 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Tan Soo Siang | 012 - 475 2453 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI
MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 12129
Peminjam : GAUSALIA A/P SUBRAMANIAM - 90011007****, NO.11 LINTANG TALANG 6, PERAI GARDEN 13600 PERAI
Penjamin 1 : RAMESH A/L KANDAN - 77082401****, 94-E MUKIM 12, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KUMARAN A/L VISVANATHAN - 92033007****, NO.22 TINGKAT KIKIK 3, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI

No Akaun : 12133
Peminjam : AIDI ZULKARNAIN BIN HJ MD NOR - 68092507****, NO.22A SETIA VISTA, TINGKAT RELAU 6, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ROFIQOH BINTI SHAARI - 72081802****, NO. 22A SETIA VISTA, TINGKAT RELAU 6, RELAU, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROHAYA BINTI SHAARI - 61062203****, NO.1948 MUKIM 9, TANAH LIAT 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12135
Peminjam : ONG GHEE CHYUAN - 89020207****, NO.9 LORONG ROZHAN 1, TAMAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LOO AI DEN - 61041407****, NO.9 LORONG ROZHAN 1, TAMAN ROZHAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ONG MEI ZHEN - 86051935****, NO. 10 LORONG BUKIT MINYAK UTAMA 26, TAMAN BUKIT MINYAK UTAMA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12136
Peminjam : AISHAH BINTI SHARIFF - 70073007****, NO. 202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : SHAHRUL ANUAR BIN HASHIN - 64071607****, NO.202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : ABDUL RAHMAN BIN SHARIFF - 71091107****, NO.1 LORONG BENTARA 28, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12154
Peminjam : MUHAMMAD SYUWARI BIN MANSOR - 96101607****, 7142(C), JALAN DATUK HAJI AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : JOHARI BIN SAMSUDIN - 79100607****, NO.9793 JALAN PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : AZHAR BIN MOHAMED - 71033101****, NO.7 LORONG DAHLIA 2, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12157
Peminjam : SYAZWAN ASRUL BIN SHARUDDIN - 94032207****, 715-G-5 PERUMAHAN AWAM MPPP, JALAN SUNGAI DUA 11700 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SHARUDDIN BIN ZAINAL ABIDIN - 64050107****, 715-G-5 PERUMAHAN AWAM MPPP, JALAN SUNGAI DUA, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ZULKIFLI BIN MD KASSIM - 59102707****, A11-27 R/PANGSA KAMPUNG MELAYU 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 12160
Peminjam : KRSNAPREM A/L SUPRAMANIAM - 86110835****, NO.113 LORONG BAGAN LALANG 4, TAMAN BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : THARISHENEPREM A/L SUPRAMANIAM - 76021707****, NO.113 LORONG BAGAN LALANG 4, TAMAN BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : PREMANI A/P SUPRAMANIAM - 78101907****, NO.113 LORONG BAGAN LALANG 4, TAMAN BAGAN LALANG 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 12161
Peminjam : VIVEINDIRAN THEVAR A/L MANOHARAN - 93032807****, NO.10 MEDAN RIANG, TAMAN RIANG 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MANOHARAN A/L NAGAPAN - 62021707****, NO.10 MEDAN RIANG, TAMAN RIANG 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MAGANTHIRAN A/L NAGAPAN - 66120407****, NO.27 JALAN BUNGA TANJUNG 1, OFF JALAN RAJA UDA 12300 BUTTERWORTH

No Akaun : 12169
Peminjam : NUR ZAILIS BINTI ISHAK - 92031503****, 105(A) JALAN PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : NOORLELA BINTI AHMAD - 63060907****, NO.105(A) JALAN PERMATANG BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MAZNIZA BINTI MAT SAAT - 75012803****, NO.7 LORONG BERTAM INDAH 32, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 12171
Peminjam : MOHAMAD IZMEIR ISKANDAR BIN AZMIN - 96072507****, 2189 TINGKAT SUNGAI GELUGOR 9 , GELUGOR 11700 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZMIN BIN MOHAMAD ZAIN - 62042607****, NO.41 LORONG 3/1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : NOORANITA BINTI MD ZAIN - 73111207****, NO.8 LORONG PAUH JAYA 3/7, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 12172
Peminjam : SHAWN PANDIAN GUNALAN - 96071107****, BLOK 2-T09-U03, NO.1 JALAN PSA, PARCEL SR6, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : GRACE RANJITHAM A/P P.A. SAMUEL - 68091307****, BLOK 2-T09-U07, JALAN 5P4, PARCEL 5R6, PRESINT 5, 62200 PUTRAJAYA
Penjamin 2 : REBEKAH SELVARANI A/P PASAMUEL - 71031107****, NO.17 PERSIARAN KOTA PERMAI 1, TAMAN KOTA PERMAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 12173
Peminjam : MOHAMAD AKMAL BIN SAMSUDIN - 95071307****, 291 MUKIM I , KAMPUNG PERLIS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : NURLIANA BINTI SAMSUDIN - 84081507****, NO.291 MUKIM 1, KAMPUNG PERLIS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NUR IRMA BINTI SAMSUDIN - 88103107****, NO.291 MUKIM 1, KAMPUNG PERLIS 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 12174
Peminjam : CHEW YUE XIANG - 90100907****, A1-20-13 HALAMAN KRISTAL, LENGKOK FREE SCHOOL 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CHEW KAR KOON - 61102907****, A1-20-13 HALAMAN KRISTAL, LENGKOK FREE SCHOOL 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHEAH HOON HONG - 64032807****, 82-7-9 TAMAN MEDAN PENAGA, BATU LANCHANG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 12182
Peminjam : NURFARAHIN BINTI ROSLI - 92022107****, NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 1 : ROSLI BIN HARUN - 61060610****, NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU
Penjamin 2 : NUR SYAZWANI BINTI ROSLI - 85122114****, NO.14 LORONG 28, TAMAN PENAGA 13100 PENAGA, SPU




## SUDAHKAH ANDA MENJELASKAN BAYARAN CUKAI TANAH/CUKAI PETAK?

**1. Cara Pembayaran**

i. Kaunter Pejabat Daerah & Tanah
- tunai
- kad kredit / kad debit
- cek/kiriman wang/kiriman wang pos dibayar atas nama "**Pentadbir Tanah Daerah**"

ii. Bayaran atas talian (*online payment*) – etanah.penang.gov.my
- caj perkhidmatan bagi kad debit sebanyak RM0.50 dan kad kredit 1.00% bagi setiap transaksi

**2. Pengemaskinian Nama, Alamat surat-menyurat di Bil**

- Sistem PTGBil (atas talian) - etanah.penang.gov.my
- Borang NA(2) - diperolehi di Kaunter Hasil Pejabat Daerah & Tanah/ Pejabat Tanah & Galian
- Di bahagian belakang bil cukai tanah/cukai petak

**3. Cara Semak Akaun Cukai**

- Semakan atas talian (*online payment*) – etanah.penang.gov.my (dengan menggunakan **NO KP / POLIS / TENTERA / NO. SYARIKAT)**

**4. Pertanyaan**

- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara - 04-577 6500 / 04-577 6618
- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Tengah - 04-548 8888 / 04-548 8915
- Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan - 04-585 7800 / 04-585 7851
- Pejabat Daerah & Tanah Daerah Timur Laut - 04-650 5344 / 04-650 5290
- Pejabat Daerah & Tanah Daerah Barat Daya - 04-868 9400 / 04-868 9455
- Pejabat Tanah dan Galian – 04- 650 5849 / 04- 650 5847

**PEMAKLUMAN**

**RALAT: CAJ PERKHIDMATAN BAGI PEMBAYARAN ATAS TALIAN DI BIL CUKAI 2021**

Caj perkhidmatan bagi pembayaran Cukai Tanah/Cukai Petak secara atas talian di ebayar.penang.gov.my akan dikenakan bagi kad debit sebanyak RM0.50 dan kad kredit 1.00% untuk setiap transaksi.

Sila abaikan ralat pada pernyataan "Caj perkhidmatan bagi kad debit dan kad kredit adalah 1.00% bagi setiap transaksi pembayaran cukai secara atas talian" yang tertera di belakang bil cukai Tahun 2021.

*(Sambungan dari muka 9).*

# Penang2030, visi komprehensif



**"Saya ingin melihat Pulau Pinang meningkatkan kedudukannya sebagai negeri hijau yang maju dan moden dalam pembangunan industri termasuk industri elektrikal dan elektronik (E&E) dan industri halal. Selain itu, pastinya saya juga ingin melihat Pulau Pinang menjadi pusat terpenting di Malaysia dalam bidang pendidikan, kesihatan, pelancongan dan kebudayaan. Begitu juga pada aspek perpaduan nasional, saya mahu Pulau Pinang menjadi model yang boleh dicontohi di Malaysia (berdasarkan kelebihan yang dimiliki oleh negeri ini) daripada segi penggubalan dasar, pelan tindakan yang praktikal dan program-program demi mencapai objektif tersebut."**

**TUN Ahmad Fuzi Abdul Razak.**

Hala tuju negeri kini adalah berpandukan Visi Penang2030 iaitu ke arah menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Hijau dan Pintar Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Menurut Ahmad Fuzi, setelah membaca dan memahami intipati Visi Penang2030, beliau mendapati bahawa ia merupakan visi yang komprehensif.

"Syabas kepada Kerajaan Negeri, dokumen pembangunan yang begitu komprehensif merangkumi pelbagai bidang demi kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan rakyat.

"Teras-teras yang dimasukkan dalam visi ini sungguh relevan dan bersesuaian sekali dengan keperluan pembangunan negeri ini pada masa ini.

"Saya kira masa 10 tahun yang telah ditetapkan adalah sesuai sekali bagi membolehkan pelaksanaan serta penilaian dibuat bagi mencapai visi tersebut.

"Rakyat Pulau Pinang patut menerima baik usaha yang dilakukan bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, menaik taraf ekonomi melalui peningkatan pendapatan isi rumah, memperkasakan rakyat melalui penyertaan umum dan meningkatkan daya tahan dalam pelbagai bidang melalui pelaburan memodenkan infrastruktur awam.

"Malah, ia sejajar dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (SDGs)," zahirnya yang berharap agar lebih banyak pihak tampil memainkan peranan memperkasakan lagi visi tersebut pada semua peringkat.

Malah, Ahmad Fuzi turut tertarik melihat tindakan proaktif Kerajaan Negeri dalam menyesuaikan 16 Inisiatif Strategik Visi Penang2030 dengan situasi semasa pandemik ini agar lebih relevan.

"Saya percaya dengan usaha gigih daripada segi pentadbiran dan pelaksanaan, bimbingan bijaksana Kerajaan Negeri serta sokongan padu semua pihak termasuk rakyat di negeri ini, segala rintangan dan masalah yang dihadapi dapat diselesaikan secara baik," katanya yang yakin bahawa usaha adalah tangga kejayaan.

## Zaman kanak-kanak corak persepsi

Ketika berkongsi cerita mengenai zaman kanak-kanak, anak kelahiran Sungai Bakap tersebut berkata bahawa banyak kenangan manis bersama-sama rakan sebaya dilakar.

"Membesar di tempat kelahiran saya di Sungai Bakap dalam persekitaran kampung banyak memberi pengaruh yang sungguh bermakna terutama dalam mencorak nilai-nilai serta persepsi saya di kemudian hari.

"Kehidupan di kampung walaupun banyak kekurangan, ada baiknya juga kerana ia mengajar saya untuk hidup secara sederhana.

"Saya juga mempunyai kenangan manis bersama-sama kawan sebaya umur, kami bermain permainan-permainan kampung yang tidak lagi popular dalam kalangan kanak-kanak sekarang ini.

"(Dan) dulu kalau hendak makan apa-apa sahaja buah semasa musimnya, cuma panjat pokok sahaja, tidak payah beli pun," ujarnya yang gemar bermain permainan sepak takraw semasa kecil.

Ahmad Fuzi melalui zaman kanak-kanak di Sungai Bakap sehingga berusia tujuh tahun sebelum berpindah ke Taiping, Perak sehingga usia 16 tahun dan kembali ke Pulau Pinang ketika di Tingkatan 5. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran Tingkatan 6 di Ipoh sebelum ke Universiti Malaya dan seterusnya mengikuti *UK Foreign Service Programme*.

Setelah tamat pengajian, beliau menyertai perkhidmatan diplomatik dan pentadbiran sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik sejak tahun 1972 serta bertugas di pelbagai jabatan di Kementerian Luar Negeri sehingga tahun 2009.

Pernah mengetuai tugas-tugas khas termasuk delegasi pegawai kanan negara dalam rundingan pelbagai persidangan dua hala sama ada pada peringkat serantau mahupun antarabangsa, Ahmad Fuzi menganggap ia sebagai suatu pengalaman yang cukup bermakna.

Malah, beliau menganggap peluang tersebut telah memberi ruang membuat perbandingan antara negara-negara yang pernah dilawati.

Selain itu, beliau juga menzahirkan rasa syukur kerana berpeluang memanfaatkan kebolehan diplomatik dan rundingan untuk disesuaikan sewajaranya kelak.

"Saya kira apa yang penting adalah menilai secara objektif dan profesional apa-apa juga kesesuaian yang boleh dijadikan teladan untuk diserapkan dengan matlamat kita," jelasnya yang berharap untuk memberi sumbang bakti sewajarnya kepada negeri Pulau Pinang.

Menyentuh soal pemakanan pula, Ahmad Fuzi memberitahu bahawa beliau menikmati apa jua jenis makanan, tidak mematuhi sebarang pantang larang asalkan halal dan suci.

## Harapan untuk masa depan Pulau Pinang

Sebagai anak jati Pulau Pinang pastinya masa depan negeri ini amat dekat di hati beliau.

"Pulau Pinang mempunyai keunikan yang tersendiri serta asas yang kukuh bagi membolehkan negeri ini terus maju mengikut acuannya sendiri.

"Saya harap Pulau Pinang akan menjadi negeri pertama yang berjaya mengatasi pandemik COVID-19 daripada segi vaksinasi dan juga kesediaan menggerakkan semula ekonomi negeri bagi menjamin kedudukan sebagai negeri yang berdaya tahan serta berdaya saing," jelasnya yang mahu melihat Pulau Pinang menjadi inspirasi negara.

Mengulas lanjut, Ahmad Fuzi menyatakan bahawa Pulau Pinang mempunyai kapasiti tinggi bagi menyumbang ke arah pencapaian pelan transformasi ekonomi digital Malaysia, setanding dengan negara-negara lain di rantau ini.

"Saya ingin melihat Pulau Pinang meningkatkan kedudukannya sebagai negeri hijau yang maju dan moden dalam pembangunan industri termasuk industri elektrikal dan elektronik (E&E) dan industri halal.

"Selain itu, pastinya saya juga ingin melihat Pulau Pinang menjadi pusat terpenting di Malaysia dalam bidang pendidikan, kesihatan, pelancongan dan kebudayaan.

"Begitu juga pada aspek perpaduan nasional, saya mahu Pulau Pinang menjadi model yang boleh dicontohi di Malaysia (berdasarkan kelebihan yang dimiliki oleh negeri ini) daripada segi penggubalan dasar, pelan tindakan yang praktikal dan program-program demi mencapai objektif tersebut.

"Saya sedar mungkin agak sukar untuk menentukan dengan tepat masa depan mana-mana negeri atau negara tetapi menjadi tanggungjawab kita bersama untuk berusaha bersungguh-sungguh di samping berdoa segalanya yang terbaik untuk negeri kita," katanya.

Akhir pertemuan, Ahmad Fuzi mengambil kesempatan menzahirkan ucapan penghargaan kepada seluruh anggota barisan hadapan atas jasa dan peranan serta bertungkus-lumus saban hari membantu rakyat terutama sepanjang tempoh pandemik yang telah setahun setengah melanda Malaysia.

# ‘Catch You’ pantau sampah tong komunal




RUPA bentuk CCTV mudah alih *‘Catch You’* yang dipasang untuk memantau pembuangan sisa pepejal di tong komunal MBSP.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MBSP**



SR. Rozali Mohamud (dua dari kanan) menunjukkan longgokan sampah yang dibuang di luar tong komunal.

**TELUK AIR TAWAR –** Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) akan memasang kamera litar tertutup (CCTV) mudah alih yang menggunakan tenaga solar bagi menangani masalah pembuangan sisa pepejal di luar tong sampah.

Datuk Bandar MBSP, Dato’ Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa pemasangan CCTV yang diberi nama *‘Catch You’* itu adalah sebagai salah satu kaedah bagi memantau pembuangan sampah pepejal serta sisa pepejal industri dan perdagangan di tong-tong komunal MBSP.

Menurut beliau, CCTV mudah alih berkenaan akan dipasang di empat lokasi sebagai projek rintis iaitu Jalan Bagan Belat, Teluk Air Tawar; Jalan Paya Keladi, Kepala Batas; Kuala Bekah, Penaga dan Jalan Permatang Nibong.

“Empat lokasi ini merupakan kawasan tapak tong komunal MBSP yang dikenal pasti sebagai tempat tumpuan pembuangan sisa pepejal di luar tong dan pembuangan sisa pepejal industri serta perdagangan.

“Hampir 18 peratus daripada 1,039 lokasi tong komunal MBSP iaitu sebanyak 182 lokasi mempunyai isu limpahan sampah dengan 99 dikesan berlaku di Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah (72) dan selebihnya di Seberang Perai Selatan,” katanya pada majlis pelancaran CCTV berkenaan di Jalan Bagan Belat dekat sini pada 17 Julai lalu.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa tujuan asal tong komunal MBSP disediakan adalah bagi kegunaan penduduk kampung untuk melupuskan sisa pepejal domestik tetapi telah disalah guna oleh segelintir pihak industri dan perdagangan.

“Sejak kebelakangan ini, MBSP mendapati isu kebersihan di tapak tong komunal berada pada tahap kurang memuaskan yang mana sampah dibuang di luar tong walaupun masih belum penuh.

“Di samping itu, MBSP juga mendapati terdapat pembuangan sisa pepejal industri dilupuskan di tong komunal sedangkan sisa pepejal industri perlu dilupuskan sendiri oleh pihak industri di Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPPB),” tegasnya.

Justeru, beliau menegaskan bahawa tindakan membuang sampah merata-rata atau di lokasi yang tidak sepatutnya serta melupuskan sisa pepejal industri dan perdagangan ke dalam tong komunal merupakan kesalahan dan boleh dikompaun RM1,000 di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-Sarap MBSP.

Difahamkan, CCTV *‘Catch You’* adalah kerjasama pintar antara MBSP bersama dengan Syarikat Happy Icon.

Dalam pada itu, Rozali menyatakan bahawa beratan sisa pepejal yang dilupuskan di TPPB menunjukkan peningkatan sehingga lapan peratus pada tahun lepas berbanding tahun sebelumnya iaitu daripada 553,242 tan kepada 558,234 tan.

Tambah beliau, daripada jumlah itu, jumlah beratan sisa pepejal domestik menunjukkan penurunan kepada tujuh peratus iaitu daripada 263,989 tan pada 2019 kepada 245,770 tan (2020).

“Jumlah sampah (sisa pepejal) industri bagaimanapun menunjukkan peningkatan ketara sehingga 20 peratus iaitu daripada 292,252 tan kepada 352,463 tan pada tahun lepas,” ulasnya.

# Khidmat kaunseling maya atasi kemurungan

**BATU MAUNG –** Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung menjadi lokasi kedua pelaksanaan program *‘Mental Stress Counselling Centre’* ekoran masalah kesihatan mental serta kemurungan yang dikenal pasti menjadi musuh masyarakat ketika ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato’ Abdul Halim Hussain berkata bahawa impak pandemik kini menyebabkan ramai mengalami kemurungan atas beberapa faktor, antaranya kesan daripada kehilangan sumber pendapatan dan kematian saudara-mara termasuk ibu bapa akibat penularan COVID-19.

“Hal sama turut menimbulkan masalah rumah tangga dan masalah kewangan yang meruncing serta mampu membawa kepada tindakan bunuh diri.

“Atas sebab itu, Pusat Khidmat ADUN Batu Maung dengan kerjasama VHGLOBAL Sdn. Bhd. (VHGLOBAL) mengambil inisiatif menyediakan perkhidmatan kaunseling secara maya dalam menangani masalah berkaitan,” ujarnya yang juga Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan di sini pada 7 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi VHGLOBAL Sdn. Bhd., Dr. Muhammad Asyraf.

Difahamkan, sebelum ini, program serupa turut dilaksanakan di KADUN Batu Uban. Dalam menjayakan program tersebut, Abdul Halim turut menyalurkan dana sebanyak RM10,000 atau bersamaan 130 sesi kaunseling percuma ditawarkan kepada individu-individu yang memerlukan khidmat tersebut.

“Selain itu, kita turut mengalu-alukan pihak swasta untuk turut tampil menyalurkan sumbangan bagi membolehkan sesi kaunseling percuma dapat diteruskan kepada mereka yang perlu.

“Kepada yang tiada kemudahan gajet, boleh hadir ke Pusat Khidmat ADUN Batu Maung bagi membolehkan sesi kaunseling secara maya tersebut dapat dilakukan di sini,” ujarnya.

Bagi keterangan lanjut, hubungi Pusat Khidmat ADUN Batu Maung di talian 04 – 626 1442 atau layari *http://www.vhglobal.org*.




**ABDUL Halim Hussain (kanan sekali) meneliti sesi demonstrasi sesi kaunseling yang dilaksanakan menerusi program *‘Mental Stress Counselling Centre’* di sini baru-baru ini.**



KETUA Menteri menandatangani sijil pembukaan Lam Research pada majlis yang diadakan secara maya di sini baru-baru ini.

KERJA-kerja pembinaan kilang Simmtech sedang giat dijalankan.

ILUSTRASI artis menunjukkan rupa bentuk kilang Simmtech di Batu Kawan dekat sini.

# Lam Research, Simmtech pilih Pulau Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Syarikat pembekal peralatan dan perkhidmatan global fabrikasi wafer terkemuka (WFE), *Lam Research Corporation* (Lam Research) secara rasminya membuka kemudahan baharu di Taman Perindustrian Batu Kawan dekat Seberang Perai Selatan (SPS) pada 3 Ogos 2021 dengan pelaburan bernilai RM1 bilion.

Kilang pembuatan baharu yang terletak di tapak seluas 34 ekar itu, menambah keluasan lantai daripada 700,000 kaki persegi kepada 800,000 kaki persegi bagi menempatkan ruangan pejabat, fasiliti pembuatan dan gudang.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Lam Research, Tim Archer berkata bahawa kilang tersebut merupakan hab operasi Lam Manufacturing di Asia.

"Kami di Lam Research menjangkakan lonjakan pengeluaran tertinggi di kemudahan ini (Pulau Pinang) berbanding kilang-kilang milik kami di serata dunia.

"Perancangan kami adalah untuk membina perkongsian yang kukuh dalam rantaian bekalan tempatan supaya dapat meningkatkan kuantiti pengeluaran dalam tempoh antara enam hingga 12 bulan akan datang, di samping memenuhi permintaan dunia yang amat tinggi terhadap komponen semikonduktor kini," ujarnya selepas merasmikan pembukaan kilang tersebut secara maya pada 3 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Ahmad Khairuddin Abdul Rahim dan Duta Amerika Syarikat ke Malaysia, Brian McFeeters.

Lam Research berpangkalan di Fremont, California dan ditubuhkan pada tahun 1980. Selain kemudahan terbaharu di Batu Kawan, syarikat tersebut juga mempunyai kemudahan di Austria, Korea Selatan dan Taiwan.

Dalam perkembangan berasingan, syarikat pengeluar papan litar bercetak (PCB) gergasi dari Republik Korea (Korea Selatan), *Simmtech Holdings Inc.* (Simmtech) sedang membangunkan hab pengeluaran mega pertamanya di Asia Tenggara juga di Taman Perindustrian Batu Kawan.

Pengarah Urusan Simmtech (Asia Tenggara), Jeffrey Chun berkata, Simmtech melalui anak syarikatnya, Sustio Sdn. Bhd. akan melabur sebanyak US$120 juta atau RM508 juta bagi pembangunan Fasa 1.

"Kerja-kerja pembinaan kilang seluas 7.2 hektar di Batu Kawan itu kini sedang giat dijalankan dan dijangkakan selesai menjelang awal tahun 2022, sementara operasi dan penghantaran produk pula dijadualkan pada separuh pertama tahun hadapan," ucapnya pada sesi pengumuman pelaburan yang diadakan secara maya pada 30 Julai 2021.

Meskipun berdepan dengan situasi semasa pandemik COVID-19, kerja-kerja pembinaan masih diteruskan dan syarikat terbabit juga tidak menjangkakan sebarang penangguhan.

"Syarikat kami melihat pandemik ini sebagai peluang kerana trend semasa kebanyakan urusan dijalankan secara dalam talian dan wujud permintaan yang tinggi di pasaran untuk produk-produk semikonduktor seperti cip komputer dan telefon bimbit.

"Ini adalah tempoh terbaik untuk industri semikonduktor secara keseluruhannya," jelasnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada *investPenang* (iP), MIDA, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Persekutuan atas sokongan yang tidak berbelah bahagi.

Mengulas mengenai pemilihan Pulau Pinang, Jeffrey Chun memaklumkan ia adalah berdasarkan beberapa faktor penting.

"Pulau Pinang memiliki ekosistem yang mantap dan dinamik bagi sektor elektrik dan elektronik (E&E) serta kumpulan tenaga kerja mahir tempatan.

"(Dan) kami di Simmtech telah bertahun-tahun mencari lokasi tepat untuk mengembangkan 'sayap' kami yang mana buat masa ini kami beroperasi di negara asal kami, di China dan Jepun.

"Apabila beroperasi kelak, kapasiti pengeluaran kilang di Batu Kawan bakal mewakili 20 peratus kapasiti gabungan semasa *Simmtech Group*," jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow yang turut serta dalam sidang maya itu memberitahu bahawa pembukaan kilang tersebut dijangka menawarkan 1,200 peluang pekerjaan bernilai tinggi dalam segmen kejuruteraan, pembuatan dan pengurusan kualiti dalam tempoh dua tahun akan datang.

"Saya berharap agar dengan kehadiran Simmtech di negeri ini menandakan permulaan babak baharu dalam hubungan dua hala antara Pulau Pinang dengan Korea Selatan, iaitu salah sebuah negara yang paling terkenal dengan teknologi global.

"Komitmen tersebut secara tidak langsung akan mengukuhkan kekuatan negeri Pulau Pinang sebagai hab pembuatan yang berdaya maju dan Simmtech akan memacu keupayaan negeri ini dan seterusnya membawa ke dalam rantaian pembuatan semikonduktor global," ujarnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Lam Research dan Simmtech merupakan antara contoh syarikat semikonduktor global yang memilih Pulau Pinang untuk mengembangkan operasi, sekali gus membuktikan bahawa usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan persekitaran mampan, ekosistem perindustrian yang rancak dan utuh serta daya tarikan infrastruktur dan tenaga kerja mahir berjaya menarik pelaburan berkomitmen tinggi serta mantap.




MAJLIS perasmian pembukaan Lam Research yang diadakan secara maya.